



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

15 Januari 2016 / 5 Rabiulakhir 1437

Mencari Keampunan Allah s.w.t.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Marilah bersama kita mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Berusahalah dengan gigih untuk mencari rahmat dan pengampunanNya, dengan menjalankan segala yang diperintahkan, dan menjauhi segala yang ditegahNya. Semoga kita terus menjadi Muslim yang lebih baik dari semalamnya. Insyallah, amin ya rabbal alamin.

Saudara sekalian,

Mimbar telah memulakan tahun 2016 ini dengan menghayati erti kemaafan. Kemaafan sebagai satu nilai murni yang ditanamkan agama, agar manusia dapat bangun dan bangkit semula setelah melakukan kesilapan. Agar manusia dapat menjalinkan hubungan yang baik lagi harmoni setelah menyalahi orang lain. Kemaafan, seperti yang kita dengar pada minggu lalu, adalah satu sifat rabbani. Ia datang langsung dari Allah s.w.t. sendiri.

Dengarlah dengan teliti sepotong hadith qudsi yang diriwayatkan dari Anas bin Malik r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: "يَا ابْنَ آدَمَ! إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ وَلَا أُبَالِي، يَا ابْنَ آدَمَ! لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ، يَا ابْنَ آدَمَ! إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا ثُمَّ لَقِيتَنِي لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا لَأَتَيْتَكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Yang bermaksud: *"Allah s.w.t. berkata: Wahai anak Adam, selagi mana kamu memanggil dan mencariKu, nescaya akan Aku ampunkan segala dosa mu, dan tidak Aku pedulikan (batasannya). Wahai anak Adam, jika dosa-dosa mu setinggi awan dan kamu meminta keampunanKu, nescaya akan Aku ampunkan. Wahai anak Adam, sekiranya kamu datang kepada Ku dengan dosa sebanyak isi kandungan bumi, dan menghadapKu dalam keadaan tidak menyekutukan Aku*

dengan sesuatu, nescaya Aku memberikan kamu keampunan yang setimpal juga.” [Hadith riwayat Imam At-Tirmizi]

Namun, saudaraku sekalian, perhatikanlah. Tidak semua manusia mencari kemaafan Tuhan, atau merasakan perlu mendapat keampunan. Di dalam perkara ini, apakah yang membezakan antara insan?

Yang mengejar kemaafan Tuhan menyedari bahawa dia mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan. Dia memohon ampun kerana kesedaran sedemikian. Dia memahami maksud kelemahan. Dia mengaku di hadapan keagungan Tuhan, bahawa dia jauh dari bersifat sempurna. Dia merasa sedih, jika kesilapannya tidak dihapuskan Penciptanya. Dia merasa risau sekiranya Allah s.w.t. masih lagi murka terhadapnya. Dia merasa takut, sekiranya Allah s.w.t. tidak menerimanya tatkala ia pulang bertemu Tuhannya. Dia merasa gundah gulana sekiranya Allah s.w.t. tidak memandangnya dengan pandangan kasih sayang dan rahmatnya. Dia sentiasa cuba menyahut panggilan Allah s.w.t. di dalam surah Ali-Imran ayat 133-134:

❖ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ
وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. Mereka yang menafkahkan hartanya baik di waktu lapang mahupun sempit, dan menahan kemarahannya dan memaafkan orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat ihsan, iaitu yang berbuat kebajikan.”*

Diriwayatkan bahawa Imam al-Syafi'i *rahimahullah* pernah berdoa yang bermaksud: *“Sangat berat ke atas ku dosa ku, namun bila aku bandingkannya dengan pengampunanMu, maka pengampunanMu jauh lebih besar.”*

Saudaraku,

Bagi mereka yang sedar erti kelemahan diri, maka kemaafan dan keampunan Tuhan menjadi satu matlamat yang lebih berharga dari segala isi kandungan dunia. Ia juga sentiasa menjadi doa dan tanda kasihnya kepada Tuhannya.

Jelas daripada ayat-ayat Al-Quran dan juga hadith Nabi Muhammad s.a.w. bahawa pengampunan Allah s.w.t. merupakan pilihan pertama dan utama di dalam menilai dan menghukum hamba-hambaNya. Allah s.w.t. sentiasa memberi ruang dan peluang dan membuka pintu pengampunan seluas-luasnya, kerana rahmat dan kasih sayangNya meluasi segala sesuatu.

Saudara sekalian,

Kita perlu menghayati perkara ini dengan baik. Ia adalah prinsip dan dasar agama kita. Kemaafan dan keampunan datang jauh terlebih dahulu. Namun, seringkali kita mendengar dan melihat jalan yang tersimpang dari kemaafan sebagai satu-satunya gambaran hukum dan ajaran Islam.

Seolah-olah kekerasan, kehancuran, dendam dan balasan azab sahalalah yang dikenali Islam. Begitulah yang ditonjolkan oleh sesetengah pihak yang konon-kononnya memperjuangkan agama.

Renungkanlah saudara, bagaimana ajaran sedemikian hanya akan melahirkan generasi yang tegar, yang hilang sifat ihsan dan rahmahnya, dan yang lupa akan sifatnya sendiri sebagai manusia yang penuh dengan kelemahan. Generasi sedemikian tidak akan membawa sebarang pembangunan mahupun peningkatan kepada kehidupan manusia. Generasi sedemikian hanya ingin mencari kesalahan dan kesilapan orang mengikut ukur taranya, agar dapat ditayangkan.

Maka saudara-saudara sekalian, berwaspadalah di dalam menguruskan hati kita. Suburkanlah nilai-nilai yang diajarkan Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Hayatilah kemaafan. Carilah pengampunan Tuhan. Rebutlah rahmat dan kasih-sayangNya.

Semoga dengan mendengar khutbah ini, kita merasa lebih rindu untuk mendapatkan pengampunan Tuhan Maha Pencipta. Semoga dengannya juga, kita dapat terus menghayati erti kemaafan. Semoga keimanan kita lebih terpancar, kebaikan dan sumbangan kita lebih menyerlah, dan kedudukan kita menjadi lebih mulia di sisi Allah s.w.t. dan manusia.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.